



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Lesap RM210,600 diperdaya sindiket  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 9 January 2021

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 9

Pesara swasta wanita kempunan skim bantuan sara hidup Covid-19

# Lesap RM210,600 diperdaya sindiket

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Seorang wanita terpaksa berputih mata selepas wang simpanannya bernilai RM210,600 lesap akibat diperdaya seorang lelaki ahli sindiket penipuan berhubung permohonan skim bantuan sara hidup Covid-19 sejak Ogos hingga November tahun lalu.

Mangsa berusia 58 tahun yang juga pesara swasta itu bertindak membuat laporan polis di Balai Polis Jalan Patani di sini kelmarin selepas menyedari bantuan wang yang ditawarkan bernilai AS\$100,000 (RM404,250) tidak diterima sehingga tahun ini.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Soffian Santong berkata, mangsa diperdaya suspek dalam urusan permohonan bantuan sara hidup Covid 19 melalui pesanan mesej dalam aplikasi Facebook dengan menggunakan halaman 'Covid-19 United Nation Grant Fund Relief' yang disyaki tidak wujud.

Menurutnya, mangsa memaklumkan telah melayari halaman tersebut kira-kira pukul 10.34 malam pada 17 Ogos tahun lalu



**KES sindiket penipuan masih berlaku walaupun pelbagai hebahan dilakukan di media massa.** – GAMBAR HIASAN

sebaik seorang rakannya memaklumkan mengenai perkara tersebut.

"Tujuan pengadu (mangsa)

memohon bantuan ini adalah untuk mendapatkan duit bagi membeli rumah dan perbelanjaan harian kerana suaminya seorang

orang kelainan upaya (OKU) dan tidak bekerja.

"Mangsa kemudiannya diminta seorang lelaki (suspek)

untuk mengisi borang permohonan skim tersebut dan menghantar butiran peribadi seperti kad pengenalan dan maklumat akaun miliknya," katanya di sini semalam.

Ujarnya, suspek juga meminta pengadu untuk membuat pembayaran sebanyak RM8,000 bagi semua urusan fail atau kertas kerja untuk permohonan dan insurans skim berkenaan.

"Pengadu telah membuat pindahan wang berjumlah RM210,600 secara berperingkat iaitu sebanyak 12 kali transaksi ke lima akaun yang berbeza menerusi mesin deposit tunai dan di kaunter bank dari 18 Ogos hingga 17 November tahun lalu.

"Suspek tidak lagi menghubungi mangsa sejeurus wang tersebut dimasukkan ke akaun-akaun berkenaan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Soffian berkata, semakan lanjut mendapati semua akaun bank yang digunakan suspek tersebut terlibat dalam lima kes penipuan lain di Selangor, Sarawak, Perak dan Negeri Sembilan.

Siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.